

Peraturan Dan Syarat Pertandingan

SAFARI RAKIT BALEH-KAPIT 2009

(RH. UNYAT, SG. MERIRAI, BALEH - RH. MAWANG, NG. SUAUI, BALEH - KAPIT)

1. SAFARI RAKIT BALEH-KAPIT 2009 dikelolakan oleh **Pasukan Petugas Pelancongan Bahagian Kapit** yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan di Daerah Kapit; dan disokong oleh Kementerian Pembangunan Bandar dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Lembaga Pelancongan Sarawak, Kementerian Pelancongan Malaysia dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
2. Pertandingan ini dibahagikan kepada kategori-kategori berikut :
 - a) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki sahaja. **Hanya rakit buluh dibenarkan.**
 - b) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki dari agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang berdaftar. **Hanya rakit buluh dibenarkan.**
 - c) **Kategori Lelaki Rakit Bebas**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki yang menggunakan **rakit buluh, kayu atau campuran buluh & kayu.**
 - d) **Kategori Wanita Rakit Buluh**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan wanita sahaja. **Hanya rakit buluh dibenarkan.**
 - e) **Kategori Pelancong**
 - Terbuka kepada pelancong-pelancong asing (bukan warganegara Malaysia). Sekiranya perlu, **tidak lebih daripada empat (4)** orang warganegara Malaysia dibenarkan dalam setiap pasukan.
 - Terbuka kepada organisasi-organisasi berasaskan pelancongan. **Tidak lebih daripada empat (4)** orang tempatan atau bukan anggota/kakitangan organisasi itu dibenarkan dalam setiap pasukan.
 - Peserta boleh terdiri daripada **semua lelaki, semua wanita atau campuran.**
 - Rakit boleh diperbuat daripada **buluh, kayu atau campuran buluh & kayu.**
 - f) **Acara Rakit Berhias**
 - Terbuka kepada semua rakit yang layak bertanding. Para pengadil akan membuat penghakiman berdasarkan keunikan buatan rakit dan kreativiti pasukan.
3. Hadiah
 - a) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka**

| | |
|--------------------------|------------------------------|
| Juara | RM 3,000.00 dan sebuah piala |
| Naib Juara | RM 2,500.00 dan sebuah piala |
| Ketiga | RM 1,500.00 dan sebuah piala |
| Keempat hingga Kesepuluh | RM 800.00 dan sebuah piala |

b) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup / Lelaki Rakit Bebas / Wanita Rakit Buluh / Pelancong**

| | |
|--------------------------|------------------------------|
| Juara | RM 2,000.00 dan sebuah piala |
| Naib Juara | RM 1,500.00 dan sebuah piala |
| Ketiga | RM 1,000.00 dan sebuah piala |
| Keempat hingga Kesepuluh | RM 500.00 dan sebuah piala |

c) **Acara Rakit Berhias**

| | |
|---------|-------------|
| Pertama | RM 1,000.00 |
| Kedua | RM 800.00 |
| Ketiga | RM 500.00 |

4. **Laluan dan Tarikh Pertandingan**

Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka akan bermula dari **Rh. Unyat, Sg. Merirai, Baleh** dan berakhir di **Rh. Mawang, Ng. Suau, Baleh** pada 8 Ogos 2009 (Sabtu) dan bermula lagi dari **Rh. Mawang, Ng. Suau, Baleh** dan berakhir di **Dermaga Sibul, Kapit** (Garis Penamat) pada 9 Ogos 2009 (Ahad). Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup, Kategori Lelaki Rakit Bebas, Kategori Wanita Rakit Buluh dan Kategori Pelancong akan bermula dari **Rh. Mawang, Ng. Suau, Baleh** dan berakhir di **Dermaga Sibul, Kapit** (Garis Penamat) pada 9 Ogos 2009 (Ahad). **Semua pasukan mesti menyediakan pengangkutan sendiri ke tempat permulaan pertandingan.**

5. **Pertandingan ini terbuka kepada sesiapa yang layak mengikut syarat di bawah :**

- a) **Umur tidak kurang daripada 18 tahun.**
- b) **Tubuh badan yang sihat dan cergas.**
- c) **Kebolehan berenang dengan baik.**

6. **Satu pasukan mesti diwakili oleh sekurang-kurangnya enam (6) ahli dan tidak boleh lebih daripada lapan (8) ahli** untuk semua kategori.

7. **Tidak kurang daripada enam (6) ahli** hendaklah sentiasa berada di atas rakit di sepanjang pertandingan. Ahli yang lain boleh menunggu di lokasi lain di sepanjang laluan menggantikan ahli-ahli yang keletihan.

8. **Tidak kurang daripada enam (6) ahli dan tidak lebih daripada (8) ahli** yang berdaftar hendaklah berada bersama rakit sewaktu sampai di garis penamat.

9. **Pendaftaran Ahli Pasukan**

Semua ahli dalam sesebuah pasukan hendaklah berdaftar dengan Jawatankuasa Pengelola dengan mengemukakan Borang Penyertaan yang lengkap diisi dan ditandatangani. Sebarang pertukaran nama ahli hendaklah dibuat sewaktu taklimat pertandingan.

10. **Yuran Penyertaan**

Yuran penyertaan sebanyak **RM 20.00** akan dikenakan ke atas setiap pasukan. Yuran tersebut **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Sila simpan resit yuran penyertaan untuk tuntutan subsidi rakit.

11. **Tarikh Tutup Penyertaan**

Tarikh tutup penyertaan ialah pada **24 Julai 2009 (Jumaat)**.

12. Badan Perhubungan

Semua Borang Penyertaan dan Surat Perjanjian Pelepasan Tuntutan yang telah dilengkapkan bersama dengan yuran penyertaan hendaklah diserahkan kepada:

Urusetia

SAFARI RAKIT BALEH-KAPIT 2009,

Pejabat Residen Bahagian Kapit

Aras 9, Kompleks Kerajaan Negeri

96800, Kapit, Sarawak.

Tel: 084-796445, 796230

Faks: 084-796932

Laman web: www.kapitro.sarawak.gov.my atau www.kapit.net.my

13. Taklimat Pertandingan

Semua pengurus pasukan bagi Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka diwajibkan untuk menghadiri taklimat pertandingan pada jam **4.00 petang di Rh. Unyat, Sg. Merirai, Baleh pada 7 Ogos 2009 (Jumaat)** iaitu sehari sebelum hari pertandingan.

Manakala, taklimat bagi Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup, Kategori Lelaki Rakit Bebas, Kategori Wanita Rakit Buluh dan Kategori Pelancong akan diberikan di **Rh. Mawang, Ng. Suau, Baleh pada jam 4.00 petang pada 8 Ogos 2009 (Sabtu)** iaitu sehari sebelum hari pertandingan.

14. Penentuan Pemenang

Pemenang pertandingan akan ditentukan dengan kiraan masa terpendek dari garisan permulaan hingga ke garisan penamat yang ditetapkan oleh hakim. Semua rakit pemenang termasuk rakit berhias mesti sampai di garisan penamat iaitu Dermaga Kapit, Kapit untuk layak menerima hadiah.

15. Tanggungjawab Menjaga Kebersihan

- a) Semua peserta dan pembantu pasukan disyaratkan untuk tidak membuang sampah, botol kosong, kertas dan plastik ke dalam sungai sebelum, sewaktu, selepas dan pada bila-bila masa pertandingan.
- b) Apabila sampai di garisan penamat, semua rakit yang telah digunakan hendaklah disimpan di satu tempat yang telah dikhaskan untuk dilupuskan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

16. Spesifikasi Rakit :

- a) **Lebar** - Tidak Kurang daripada enam (6) kaki.
- b) **Panjang** - Tidak Kurang daripada tiga puluh (30) kaki.
- c) **Rekabentuk** - Bebas
- d) **Bahan Untuk Membuat Rakit**
 - Seperti dinyatakan dalam perkara (2). Bagi rakit yang menggunakan kayu, tidak kurang daripada **lima (5) batang kayu** mesti digunakan dan **lilitan setiap batang kayu mesti sekurang-kurangnya 12 inci. Mesti terdapat ruang kosong antara kayu-kayu yang diikat. Spesis kayu terlindung tidak dibenarkan.**

- Sekiranya batang buluh (huluan rakit) tersebut disambung / ditutup dengan kayu, ianya mestilah tidak melebihi **2 (dua) kaki panjang**.
- Rakit mesti diikat dengan menggunakan bahan seperti rotan dan tali. **Penggunaan paku, skru, dawai dan besi tidak dibenarkan untuk kategori 2(a) dan 2(b).**

17. Warna Dan Nombor Penyertaan

Sewaktu pertandingan, setiap pasukan hendaklah mempamerkan nombor pertandingan yang akan diberikan semasa taklimat pertandingan mengikut warna seperti senarai berikut:

- a) Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka** - Hijau
- b) Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup** - Hitam
- c) Kategori Lelaki Rakit Bebas** - Merah
- d) Kategori Wanita Rakit Buluh** - Biru
- e) Kategori Pelancong** - Jingga

18. Pengayuh

Jenis dan bentuk pengayuh yang hendak digunakan adalah bebas. Semua pasukan mesti menyediakan pengayuh sendiri.

19. Pemeriksaan Rakit

Semua rakit akan diperiksa di tempat permulaan dan garisan penamat oleh pegawai pertandingan. Jika ada rakit yang didapati telah menyalahi peraturan pertandingan maka penyertaan atau keputusan mereka dibatalkan.

20. Keselamatan

Untuk keselamatan, semua peserta **diwajibkan** untuk menggunakan jaket keselamatan. Jika ada peserta yang tidak menggunakan jaket keselamatan, pasukan mereka akan dihukum dari segi masa atau penyertaan mereka dibatalkan. Pasukan yang memerlukan jaket keselamatan boleh mendapatkannya di Pejabat Residen Bahagian Kapit sehari sebelum pertandingan pada waktu pejabat. (Bekalan adalah terhad). Jaket keselamatan **MESTI** dipulangkan kepada urusetia selepas pertandingan. **Denda** sebanyak **RM50.00** akan dikenakan ke atas kehilangan atau kerosakan setiap satu jaket keselamatan.

21. Penarikan Rakit

Penyertaan bagi pasukan yang didapati menarik rakit dengan menggunakan bot laju atau enjin sangkut akan dibatalkan serta merta.

22. Kuasa Menterjemah Dan Meminda Peraturan Pertandingan

- a)** Jawatankuasa Pengelola diberikan kuasa untuk meminda dan menambah peraturan pertandingan yang ada untuk memastikan keselamatan para peserta pertandingan. Kuasa tersebut boleh digunakan pada bila-bila masa difikirkan perlu.
- b)** Pada waktu percanggahan pendapat atau pertikaian, pihak pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menterjemahkan peraturan pertandingan.

23. Rayuan

Mana-mana pasukan yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan dalam **tempoh tiga puluh (30) minit** selepas sampai di garisan penamat. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan wang deposit berjumlah **RM 50.00**. Jika rayuan tidak diterima oleh juri rayuan maka wang tersebut tidak akan dikembalikan.

24. Pelepasan Tuntutan

Pihak pengelola Safari Rakit Baleh-Kapit 2009 **TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** atas kehilangan nyawa atau upaya atau harta benda atau apa-apa kerugian yang terjadi sebelum, sewaktu ataupun selepas pertandingan yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam pertandingan ini. Semua pasukan bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan sekiranya berlaku kemalangan, kerugian perbelanjaan atau apa-apa yang terjadi yang disebabkan oleh penyertaan peserta atau pembantu atau apa-apa yang berlaku terhadap penonton dan penyokong yang disebabkan oleh kecuaiannya pengelola atau pegawai pertandingan. Penyertaan peserta adalah atas kehendak sendiri dan tidak mempunyai hak perlindungan insurans oleh pihak pengelola.

25. Subsidi Rakit

Pihak pengelola akan memberikan subsidi sebanyak **RM300.00** untuk setiap rakit yang layak bertanding. Bayaran itu boleh dituntut sehari (1) selepas pertandingan tamat di Pejabat Daerah Kapit (Aras 2, Kompleks Kerajaan Negeri) pada waktu pejabat dengan menunjukkan resit yuran penyertaan. Subsidi tidak akan dibayar kepada pasukan yang menempah rakit daripada Jawatankuasa Pengelola.

26. Penyampaian Hadiah

Hadiah akan disampaikan kepada para pemenang pada **9 Ogos 2009 (Ahad) pada 6.30 malam di Dewan Suarah Kapit**. Semua pasukan yang bertanding dijemput hadir.

27. Pengakuan

Kami mengaku bahawa kami telah memahami dan bersetuju dengan segala Syarat dan Peraturan 'Safari Rakit Baleh-Kapit 2009' yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pengelola.